

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SELANGOR KINI
TARIKH / HARI : 7 APRIL 2017 (JUMAAT)



Lebih 700 sertai Kayuhan Malam Earth Hour

SHAH ALAM - Lebih 700 peserta menyertai Kayuhan Malam Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) sejauh 17 kilometer mengelilingi pusat bandar, di sini, pada 25 Mac lalu.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, acara utama sempena Program 60+ 'Earth Hour' Shah Alam 2017 itu adalah sokongan terhadap kempen tahunan anjuran World Wide Fund For Nature (WWF).

Katanya, ia juga bertujuan menggalak dan memberi peluang kepada individu melaksanakan tanggungjawab terhadap pemuliharaan alam sekitar.

"MBSA juga menyeru pemilik premis di sekitar Shah Alam memadamkan lampu bangunan

di premis masing-masing untuk tempoh satu jam, mulai 8.30 hingga 9.30 malam.

"Acara sampingan lain termasuk pertandingan mewarna yang berjaya menarik penyertaan 100 peserta dalam kalangan kanak-kanak, persembahan pentas artis jemputan Man Bai dan Siso Koprata, pameran Inisiatif Hijau MBSA, tarian LED, jualan 'food truck' juga Wayang Pacak dan Beca Bercahaya (percuma)," katanya.

Pada masa sama, Shahrin berkata, MBSA turut menyampaikan Sijil Penghargaan Jalinan Kerjasama Rakan Strategik MBSA ke arah Shah Alam Bandar Raya Rendah Karbon 2030 kepada pemaju dan syarikat korporat.

Katanya, pemaju terbabit

adalah Sime Darby Elmina Development Sdn Bhd, Bandar Setia Alam Sdn Bhd, I&P Alam Impian Sdn Bhd, Kwasa Land Sdn Bhd, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, SP Setia Berhad, Eco Ardence dan DEMC Management Sdn Bhd.

"Program ini adalah komitmen berterusan MBSA mendidik masyarakat khususnya komuniti Shah Alam untuk berganding bahu dan mengamalkan sikap bertanggungjawab dalam memulihara keseimbangan alam sekitar," katanya.

Majlis perasmian disempurnakan Timbalan Datuk Bandar, Shukri Mohamad Hamin dan turut dihadiri Ketua Polisi dan Perubahan Iklim WWF, Lavanya Rama Iyer.

Syahrin Ahmad